

## SEKSYEN PENGETAHUAN AM PENOLONG PEGAWAI TADBIR N29

Ianya adalah seksyen pertama dalam kertas penilaian dan merupakan seksyen yang mempunyai banyak soalan menguji pengetahuan anda.

Soalan yang terangkum dalam bahagian ini meliputi skop yang sangat luas dan seringkali berada di luar jangkaan. Ianya menuntut anda mempunyai pengetahuan asas yang luas dan sebenarnya ianya berpaksikan kepada sejauh mana anda peka dengan persekitaran.

Itu adalah satu kriteria sebenarnya yang diuji dalam bahagian ini, bagaimana anda peka dan sensitif kepada isu-isu penting lebih-lebih lagi yang melibatkan isu-isu nasional.

Tetapi melalui analisis yang mendalam, sebenarnya soalan-soalan mencakupi beberapa bahagian yang penting yang menjadi paksi kepada pembahagian soalan-soalan dalam bahagian ini.

Beri perhatian kepada topik-topik di bawah, berkemungkinan besar soalan berkisar kepada topik di bawah.

1. Soalan KHUSUS Berkaitan Jawatan (PENTING!!!)
2. Soalan Berkaitan Struktur Pentadbiran Negeri & Pusat
3. Skop Tugas Badan dan Penjawatan
4. Isu-isu Nasional
5. Dasar Pentadbiran Negara
6. Tarikh/Sejarah dan Fakta Penting
7. Lain-lain Isu di Luar Skop Penjawatan Anda

Di bawah kami sertakan beberapa contoh soalan Seksyen Pengetahuan AM untuk rujukan anda beserta jawatan. Lihat contoh soalan dan cuba jawab tanpa melihat jawapan dahulu. Dapat tak anda mencari jawapannya.

**1. Di antara berikut, yang manakah padanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang TIDAK BENAR?**

- A. Majlis Daerah – kawasan luar bandar
- B. Majlis Tempatan – pekan dan kampung baru
- C. Majlis Perbandaran – bandar kecil
- D. Dewan Bandaraya – bandar besar

**2. Bahagian Sumber Manusia boleh diklasifikasikan sebagai**

- A. Sepasukan staf dan ahli yang bekerja dalam sesebuah perniagaan.
- B. Segolongan warganegara yang berkhidmat untuk mengendalikan bidang pekerjaan awam dan swasta.
- C. Sekumpulan kakitangan dan pekerja yang berkhidmat dalam sesebuah jabatan, persatuan atau organisasi.
- D. Sekelompok manusia yang bekerjasama untuk membangunkan sistem pentadbiran negara.

**3. Inisiatif untuk memudahkan perdagangan seperti yang terkandung dalam Deklarasi Nay Pyi untuk mengembangkan penubuhan Komuniti Ekonomi Asean 2015 sekaligus melaksanakan inisiatif Pasaran Tunggal Asean dan Pangkalan Pengeluaran adalah seperti berikut KECUALI**

- A. Sistem Transit Kastam Asean.
- B. Langkah lain bagi aliran masuk bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan, tenaga buruh mahir dan aliran bebas modal.
- C. Sistem Persijilan Kendiri Asean dan Jendela Tunggal Asean.
- D. Pelanunan di laut dan penggubahan wang haram.

**4. Satu rancangan dibangunkan untuk penduduk di kawasan luar bandar berkaitan masalah buta huruf pada tahun 1961 dinamakan sebagai**

- A. Bahagian Pelajaran Warga Emas
- B. Bahagian Pelajaran Dewasa
- C. Bahagian Pelajaran Kanak-Kanak
- D. Bahagian Pelajaran Remaja

**5. Pengurusan Sumber Manusia di Malaysia boleh dilihat pada badan kerajaan yang paling banyak mengendalikan urusan tersebut seperti**

- A. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
- B. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- C. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
- D. Kementerian Sumber Manusia

**6. Sambungan komputer secara pemetaan diistilahkan sebagai**

- A. Trilogi
- B. Topologi
- C. Trigonometri
- D. Psikologi

**7. Tempat penyimpanan rekod-rekod kerajaan Malaysia akan ditempatkan di**

- A. Arkib Negara Negeri
- B. Arkib Negara Malaysia
- C. Arkib Negara Daerah
- D. Arkib Negara Bandar

**8. Kuasa-kuasa kehakiman dijalankan secara rasmi oleh**

- A. Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan
- B. Badan Kehakiman
- C. Badan Berkanun Negeri
- D. Parlimen

**9. Seorang ahli Dewan Rakyat mempunyai had umur minimum untuk menjadi ahli iaitu bermula pada umur**

- A. 18 tahun
- B. 21 tahun
- C. 23 tahun
- D. 27 tahun

**10. Di antara berikut, yang manakah TIDAK TERLIBAT dengan komponen utama bagi badan perundangan di Malaysia?**

- A. Yang di-Pertuan Agong
- B. Parlimen
- C. Dewan Negara
- D. Dewan Rakyat

**11. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar berkenaan bentuk penswastan yang telah dijalankan oleh Kerajaan melalui Dasar Penswastan?**

- A. Pajakan – Kerajaan menyewakan aset kepada pihak swasta.
- B. Penjualan Ekuiti - Kerajaan menjual pegangan dalam entiti yang diswastakan.
- C. Bina-Kendiri – Kerajaan membina aset/ kemudahan yang hendak diswastakan dan menyerahkan aset tersebut kepada pihak swasta.
- D. Bina-Kendiri-Pindah – Sektor swasta membina aset/ kemudahan yang dikendalikan oleh Kerajaan dan kemudiannya dipindah milik semula kepada sektor swasta.

**12. Matlamat “Order Baru Ekonomi Dunia” bertujuan untuk**

- A. memberi bantuan teknologi dan pemindahan teknologi.
- B. memberi pinjaman kepada negara - negara membangun.
- C. membetulkan ketidakseimbangan dalam struktur ekonomi antarabangsa yang sedia ada.
- D. meningkatkan bantuan kewangan negara – negara perindustrian kepada negara – negara Dunia Ketiga.

**13. Pihak manakah yang melindungi penyimpan daripada kehilangan sebahagian atau kesemua deposit di bank- bank Malaysia?**

- A. Bursa Malaysia
- B. Bank Negara Malaysia
- C. Kementerian Kewangan Malaysia
- D. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

**14. Fokus utama bidang pembangunan Bio-teknologi negara ialah**

- I. pertanian
- II. industry
- III. kosmetik
- IV. penjagaan kesihatan

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. I, III dan IV

**15. Keahlian seseorang anggota Dewan Rakyat dianggap sebagai terhenti apabila**

- A. mengeluarkan perkataan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum.
- B. gagal mematuhi arahan YDP Dewan Rakyat dalam aturan mesyuarat.
- C. diarah oleh YDP Dewan Rakyat supaya keluar dari dewan semasa persidangan.
- D. tidak hadir dalam persidangan Dewan Rakyat selama 6 bulan secara berterusan tanpa keizinan YDP Dewan Rakyat.

**16. Pentadbiran Tanah Negeri dan Daerah bertanggungjawab dalam aktiviti berikut kecuali**

- A. Mengutip cukai pintu
- B. Mendaftarkan hak milik strata
- C. Memproses permohonan menggadai tanah
- D. Memproses permohonan memecah sempadan

**17. Perjanjian penubuhan Persekutuan Malaysia ditandatangani oleh wakil-wakil Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Wakil - wakil daripada Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada**

- |  |
|--|
| I. Goh Keng Swee<br>II. V. T Sambanthan<br>III. Tunku Abdul Rahman<br>IV. Datu Mustapha Bin Datu Harun |
|--|

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

**18. Sistem telekomunikasi merupakan rangkaian dan jambatan yang menyambungkan semua sistem komputer serta sistem telekomunikasi di seluruh dunia. Ia merupakan kombinasi beberapa teknologi berikut kecuali**

- A. Protokol/ Seni bina Telekomunikasi (OSI).
- B. Teknologi Telekomunikasi/ Rangkaian (SMS).
- C. Teknologi Media Penghantaran (Gentian Optik).
- D. Perisian Bebas/ Sumber Terbuka (Open Office).

**19. Penerima pingat yang dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara akan membawa gelaran**

- A. Tun
- B. Datuk
- C. Tan Sri
- D. Dato' Seri


**20. Tanggungjawab bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ialah**

- I. kebajikan masyarakat*
- II. perparitan dan pengairan*
- III. perdagangan dan perusahaan*
- IV. perancangan kampung dan Bandar*

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I, II dan IV

**21. Semua hasil cukai pintu dan cukai hiburan di sesebuah negeri terletak di bawah bidang kuasa**

- A. Kerajaan Negeri
- B. Kerajaan Tempatan
- C. Kerajaan Persekutuan
- D. Jabatan Hasil Dalam Negeri



Untuk makluman calon, Panduan Peperiksaan Penolong Pegawai Tadbir N29 Bakal Dikeluarkan Dalam Masa Terdekat.

Calon yang telah mendaftar di laman ***pegawaitadbir.com***, ***examptd.info*** dan juga ***kerjaya.co*** hanya perlu menunggu hebahan rasmi dari pihak kami.

Panduan Lengkap Ini Dipakejkan Dengan Nota Ringkas Dasar Kerajaan & Pentadbiran Serta Contoh-contoh Soalan Terkini Untuk Membantu Persediaan Anda Calon Pegawai Tadbir N29.

**Tempahan Boleh dilakukan Melalui Link Tempahan Yang Akan dihantar Oleh Terus Ke INBOX Anda. Atau, Melalui Chanel Telegram Rasmi Penolong Pegawai Tadbir N29 di Bawah.**

Jadi, Pastikan Anda Tunggu Hebahan Lanjut Dari Pihak Kami Dalam Masa Terdekat.

Sekiranya Anda Belum Mendaftar Langganan Tempahan Sila Berbuat Demikian Dengan Kadar Segera Melalui Pautan Di Bawah.

[+] <http://pegawaitadbir.com/>

*Kongsikan Juga Nota & Contoh Soalan Ini Dengan Rakan Anda Yang Lain Yang Terlibat Dengan Peperiksaan Nanti. Semoga Bermanfaat Untuk Semua.*

Join Juga Chanel Rasmi Telegram Penolong Pegawai Tadbir Di Bawah. Hebahan Nota Percuma Akan dilakukan Melalui Telegram Sahaja.

Jika Belum Join Terus Join di Bawah;

[+] <https://t.me/penolongtadbir>